

Lawatan bersejarah ke Afrika tingkat kredibiliti Anwar



Gunung berapi Hayli Gubbi, yang terletak di wilayah Afar di utara Ethiopia, meletus buat pertama kali dalam tempoh 12,000 tahun, lima hari selepas delegasi Malaysia yang diketuai Datuk Seri Anwar Ibrahim, dua menteri, ahli perniagaan berprofil tinggi dan sekumpulan wartawan meninggalkan negara itu.

Ini kali pertama seorang Perdana Menteri Malaysia yang sedang berkhidmat menjejakkan kaki di bumi Ethiopia dan lawatan itu memberi kesan besar, bukan saja kepada rakyat Ethiopia yang memberikan sambutan luar biasa kepada

delegasi, tetapi juga kepada Malaysia yang berharap untuk menjadikan negara itu sebagai batu loncatan ke benua Afrika.

Nilai sejarah kunjungan itu amat dirasakan tuan rumah ketika pesawat sewaan khas Anwar mendarat di Lapangan Terbang Antarabangsa Bole di Addis Ababa, Selasa lalu.

Lawatan bersejarah itu sebahagian daripada usaha Malaysia untuk memperkukuh hubungan dan libat urus dengan negara-negara Afrika, bermula dari ibu pejabat Kesatuan Afrika di Addis Ababa.

Ethiopia meraikan ketibaan delegasi Malaysia dengan membentangkan permaidani kuning yang dihiasi bunga, bukannya permaidani merah seperti kebiasaan.

Difahamkan, tradisi karpet kuning ini bermula pada Jun 2021 apabila Perdana Menteri, Abiy Ahmed mencadangkan perubahan terhadap cara ne-

gara itu menyambut tetamu.

Pada masa itu, pemenang Hadiah Keamanan Nobel 2019 itu percaya Ethiopia perlu menggunakan warisan budaya sendiri dalam menyambut tetamu, dan bukan bergantung kepada tradisi peninggalan penjajah. Abiy mencadangkan penggunaan karpet Adey Abeba.

Adey Abeba ialah bunga biasa di Ethiopia, sering ditemui di lereng-lereng gunung. Bunga itu berwarna kuning dengan daun hijau, justeru karpet sambutan orang kenamaan bercirikan gabungan warna kuning dan hijau.

Selain pertemuan dengan Abiy, Presiden Taye Atske Selassie dan Pengerusi Suruhanjaya Kesatuan Afrika Mahmoud Ali Youssouf, Anwar turut menghadiri sebuah forum perniagaan, sebelum berlepas ke Johannesburg untuk Sidang Kemuncak Pemimpin G20 atas jemputan Presiden Cyril Ramaphosa.

Beliau kemudian menuju ke Nairobi, Kenya, di mana Anwar diberi penghormatan tembakan hormat 19 das di kediaman rasmi Presiden Kenya, William Samoei Ruto, yang menyerupai bangunan Rumah Putih.

Kedua-dua pemimpin itu mengadakan pertemuan selama dua jam sebelum mengumumkan tarif perdagangan di antara kedua-dua negara akan dimansuhkan, manakala hubungan Malaysia-Kenya yang dianggap 'bintang' baharu Afrika akan ditingkatkan kepada kerjasama strategik.

Dari perspektif Malaysia, ketiga-tiga ekonomi, Ethiopia, Afrika Selatan dan Kenya, dilihat sebagai hab pesat membangun di Afrika dengan keterhubungan kepada pasaran Kawasan Perdagangan Bebas Benua Afrika (AFCFTA) yang merangkumi 1.4 bilion penduduk.

Bagi Malaysia, ini langkah

mengimbangi kebergantungan terhadap pasaran seperti China, Amerika Syarikat atau Eropah, sejajar dengan naratif Kerajaan MADANI mengenai 'membuka pasaran baharu' serta mengurangkan kerentanan terhadap kejutan perdagangan kuasa besar.

Penganalisis politik global, perniagaan dan ekonomi tempatan, Samirul Ariff Othman, berkata lawatan Anwar, yang pertama oleh seorang pemimpin Malaysia ke Afrika dalam hampir dua dekad, membetulkan 'titik buta sejarah'.

"Malaysia sudah lama berada dalam zon selesa seperti ASEAN, negara Teluk dan Asia Timur sebagai rakan perdagangan, manakala Afrika sering dianggap jauh atau berisiko.

"Inilah antara kali pertama seorang Perdana Menteri Malaysia melihat Afrika sebagai rakan strategik, bukan sekadar rakan bantuan," katanya.